

Jawatan lain bagi pemimpin tak terpilih

KUALA LUMPUR 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan sekiranya pemimpin sesebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak dicalonkan untuk bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri atau Parlimen, kemungkinan mereka akan diberikan jawatan lain.

Pengerusi BN itu berkata, calon-calon parti itu akan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli-Ahli Majlis Tempatan atau lain-lain jawatan yang boleh diagihkan.

Menurut Perdana Menteri, pengagihan jawatan itu harus dilakukan kerana kemungkinan tidak semua 14 parti komponen BN akan diperuntukkan kerusi dalam pilihanraya umum akan datang.

“Kita harus utamakan parti bukannya calon peribadi. Kemungkinan tidak semua 14 parti komponen BN bertanding tetapi kita beri pengakuan sekiranya tidak dicalonkan untuk Dewan Undangan Negeri kemungkinan mereka diletakkan sebagai ahli Dewan Negara atau majlis tempatan dan jawatan lain yang akan diagihkan,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mengingatkan parti-parti komponen BN agar tidak meletakkan calon bebas dalam mana-mana kawasan pilihanraya semata-mata kerana rasa tidak puas hati terhadap calon yang dikemukakan.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas mengengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini hari ini.

Setiap 14 parti komponen BN diwakili oleh tiga orang pada mesyuarat lebih dua jam itu.

Mengenai pembahagian kerusi, Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu tidak membuat keputusan mengenai agihan kerusi tetapi hanya membincangkan prinsip agihannya.

Dr. Mahathir berkata, pada dasarnya kesemua 14 komponen bersetuju menerima prinsip pembahagian kerusi di kalangan mereka.

Beliau berkata, pembahagian yang berasaskan kepada prinsip majoriti kaum bukannya keputusan mutlak kerana beberapa perkara lain harus diambil kira kerana ada

parti komponen yang tidak mempunyai majoriti dalam sesebuah kawasan pilihanraya.

“Walaupun agihan kerusi diasaskan kepada pengundi tetapi kita juga sedar ada kaum yang tidak mempunyai majoriti dan dalam keadaan demikian kita telah tentukan apakah hasratnya kita memilih mereka.

“Yang pentingnya semua kaum menyokong calon BN walaupun di tempat itu, calonnya bukan daripada kaum yang menjadi majoriti,” katanya.

Beliau berkata, BN belum menentukan peratusan kaum di sesebuah kawasan pilihanraya.

Bagaimanapun prinsip agihan itu akan mengambil kira kemungkinan parti itu mencapai kemenangan dengan mengemukakan calon daripada sesuatu kaum berdasarkan majoriti kaum di kawasan-kawasan terbabit.

Katanya, pada dasarnya prinsip agihan adalah sama seperti pilihanraya 1990, yang ada cumalah tambahan kerusi berikutan perubahan persempadanan.

Menurut Dr. Mahathir, Pengerusi BN negeri akan melaporkan cadangan mereka tentang agihan kerusi dan beliau akan berunding dengan ketua-ketua parti tentang persetujuan dan pindaan yang ingin mereka buat.

"Sebarang keputusan akan disokong oleh parti sama ada mereka puas hati atau tidak," katanya.

Dr. Mahathir berkata, setakat ini beliau telah mula menerima cadangan agihan kerusi daripada Pengerusi BN negeri itu tetapi enggan menyebut negeri-negeri berkenaan.

Ditanya kemungkinan mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan diadakan sekali lagi selepas penerimaan cadangan agihan kerusi itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu tidak akan diadakan lagi tetapi hanya akan berbincang dengan ketua-tua parti komponen.

Mengenai persiapan pilihanraya, Dr. Mahathir melahirkan rasa tidak puas hatinya dengan persiapan parti-parti komponen terutamanya berhubung sikap pengundi-pengundi dan sokongan mereka terhadap BN.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mahu parti-parti komponen mencontohi langkah yang diambil oleh UMNO lebih-lebih lagi dari segi semakan dan data pengundi.

"UMNO lebih ke hadapan kerana kini mereka telah tentukan semakan dan data pengundi serta sebagainya.

"Kita baru saja dapat senarai daftar pengundi baru dan perlu diagihkan kepada semua parti supaya dapat buat semakan untuk tentukan pengundi," katanya.